

# PERASMIAN STESEN PENYELIDIKAN AGROTEKNOLOGI UniMAP



Satu lagi detik bersejarah telah dicatat dalam aspek pembangunan Universiti Malaysia Perlis apabila Stesen Penyelidikan Agroteknologi UniMAP yang terletak di Kampus Sungai Chuchuh, Padang Besar telah dirasmikan dengan sempurnanya. Majlis perasmian stesen ini telah disempurnakan oleh DYMM Raja Perlis, Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail pada 13 Mei 2009 yang lalu. Majlis perasmian Stesen Agroteknologi ini juga merupakan salah satu majlis anjuran UniMAP bersempena dengan Sambutan Hari Keputeraan DYMM Raja Perlis Ke-66.



Stesen Penyelidikan Agroteknologi ini merupakan sebahagian daripada kampus kedua UniMAP dengan jumlah keluasan 250 ekar yang dikenamakan sebagai Kampus Sungai Chuchuh UniMAP. Pembangunan kampus ini hasil Pelan Strategik UniMAP adalah berkonsepkan integrasi pendidikan dan latihan dalam disiplin pertanian dengan sokongan beberapa kelompok disiplin kejuruteraan yang sudah wujud di Universiti ini. Selain itu, ia juga berperanan untuk menggalakkan pembangunan industri hilir kecil dan sederhana, terutamanya di kawasan sempadan Malaysia-Thailand, yang dapat meningkatkan nilai ditambah dan produktiviti yang tinggi kepada hasil dan bahan keluaran pertanian tempatan.

Semasa menyampaikan tahniah ucapannya, DYMM Tuanku Raja Perlis berharap agar Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) dapat menjalankan kajian dan penyelidikan untuk meningkatkan sektor pertanian di Perlis termasuk meningkatkan kualiti mempelam

Harumanis. Baginda yakin dengan kemajuan yang dimiliki universiti itu di samping mempunyai peralatan, kepakaran dan tenaga profesional yang mencukupi segala masalah serangan mahluk perosak yang menjelaskan kualiti tanaman seperti mempelam Harumanis dapat diatasi. Baginda merasakan masalah serangan mahluk perosak tanaman ini sudah berlarutan sejak sekian lama. Tetapi petani tetap gigih mengusahakannya kerana pulangannya yang lumayan manakala permintaan sentiasa meningkat setiap tahun. Baginda juga yakin dengan adanya Stesen Penyelidikan ini, kajian dapat dijalankan dengan lebih baik untuk menghasilkan bahan yang dapat mengatasi masalah serangan ulat buah serta meningkatkan lagi kualiti dan pengeluaran hasil pertanian negeri,

Turut berangkat pada majlis itu adalah DYMM Raja Perempuan Perlis, Tuanku Tengku Fauziah Al-Marhum Tengku Abdul Rashid, DYT Muda Perlis yang juga Canselor UniMAP, Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail. Hadir sama, Y.A.B. Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Dr Md Isa Sabu, barisan Exco Kerajaan dan Naib Canselor UniMAP, Brig Jen Dato' Prof Dr Kamarudin Hussin serta seluruh warga kerja UniMAP.



Semasa majlis ini juga, tetamu-tetamu yang hadir telah dibawa melawat sekitar stesen dan juga ruang pameran berteraskan pertanian dan agro yang turut disediakan oleh pihak pengangur.